


# MAKIN RAMAI DERMA ORGAN

Sinar Harian  
6/5/12/2021  
M/S 01

EKSKLUSIF

**493,481**  
rakyat Malaysia ikrar  
derma organ

- 
- Hampir setengah juta rakyat negara ini sudah berikrar untuk mendermakan organ mereka bagi memberi peluang hidup kali kedua kepada pesakit yang menderita kegagalan buah pinggang, jantung, hati, paru-paru dan tisu.
  - Sejak tahun 1975, organ daripada 751 individu yang meninggal dunia digunakan untuk manfaat pesakit manakala 1,692 pembedahan transplan buah pinggang dan 88 transplan hati direkodkan daripada penderma yang masih hidup.
  - Bagaimanapun, ikrar pendermaan organ sekarang dianggap masih rendah berbanding 32.4 juta populasi negara.
  - Apatah lagi seramai 4,924 pesakit masih menunggu untuk menerima organ, dengan pesakit buah pinggang adalah tertinggi iaitu 4,924 orang diikuti hati (10) dan jantung (8).

# 493,481 ikrar

Senarai menunggu untuk mendapatkan organ pula bertambah setiap tahun

Oleh MUHAMMAD AMNAN HIBRAHIM dan ADRIANA NABILLA MOHD ANUAR

## SHAH ALAM

**B**ilangan rakyat Malaysia yang berikrar untuk menderma organ menunjukkan peningkatan konsisten setiap tahun bermula 2010, menjadikan jumlah keseluruhannya sekarang seramai 493,481 orang.

Pengurus Klinikal Perolehan Transplan Kebangsaan, Pusat Sumber Transplan Nasional (PSTN), Dr Hasdy Haron berkata, meskipun pandemik Covid-19 menjejaskan trend peningkatan tersebut, namun jumlah penderma baharu masih berada pada paras agak tinggi dengan 5,697 penderma baharu direkodkan setakat Oktober lalu.

“Sekitar 2005 hingga 2010, pengikrar baharu setiap tahun yang direkodkan oleh PSTN adalah antara 7,000 ke 20,000 orang.

“Bagaimanapun, sejak 2010 hingga 2021, pertambahan pengikrar baharu telah meningkat antara 20,000 ke 50,000 orang setiap tahun.

“Bagi 2020-2021 pula ada berlaku pengurangan ketara disebabkan pandemik Covid-19 kerana kempen tidak boleh dijalankan seperti biasa,” katanya ketika dihubungi *Sinar Harian*.

Beliau berkata, daripada jumlah tersebut, terdapat seramai 751 penderma kadaverik atau penderma yang meninggal dunia telah menyumbang organ untuk pe-

sakit yang memerlukan rawatan di Malaysia.

Untuk penderma organ hidup pula, Dr Hasdy memaklumkan daripada 2,543 pembedahan transplan yang direkodkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) sejak 1975, 1,692 daripadanya adalah penderma hidup organ buah pinggang manakala 88 lagi adalah penderma hidup untuk hati.

Mengulas lanjut, Dr Hasdy berkata, pihaknya mendapati terdapat peningkatan ketara pengikrar penderma organ selepas tahun 2015 khususnya orang Melayu.

“Untuk keseluruhan penderma yang mendaftar setakat ini, kaum Cina adalah paling tinggi iaitu 184,822 diikuti Melayu (170,392) dan India (105,190).

“Jadi, kalau sebelum 2015, orang Melayu adalah kumpulan yang paling kurang menderma tetapi sekarang mereka berada di tempat kedua terbanyak menderma organ,” ujarnya.

Dalam pada itu, Dr Hasdy berkata, selain daripada kempen yang dilakukan oleh KKM, kerjasama dan panduan daripada Jabatan Agama Islam serta penglibatan daripada mufti juga dilihat menjadi antara penyumbang kepada peningkatan trend tersebut dalam kalangan masyarakat Islam di Malaysia.

Begitupun beliau berkata, isu kekurangan penderma organ yang masih rendah berbanding dengan 32.4 juta populasi negara didapati masih menjadi cabaran utama yang dihadapi pihaknya.

Katanya, ketika ini, seramai 4,924 pesakit yang menunggu untuk menerima pendermaan organ dengan buah pinggang adalah tertinggi iaitu 4,924 orang diikuti hati (10) dan jantung (8).

“Macam buah pinggang, kita memang



DR HASDY



# derma organ

Sinor Harton (15/12/2021)  
MIS 02

boleh tunggu lama sedikit kerana dibantu dengan dialisis tetapi bagi kes melibatkan hati dan jantung, kalau tidak ada penderma maka mereka tidak boleh bertahan lama.

Kadang-kadang dalam tempoh sebulan atau dua bulan sahaja pesakit sudah meninggal dunia.

"Kita perlu ingat bahawa senarai menunggu untuk mendapatkan penderma

akan bertambah setiap tahun," ujarnya.

Pada masa sama, beliau berharap agar individu yang telah mendaftar supaya memaklumkan kepada ahli keluarga berkenaan hasrat mereka untuk menderma organ.

Katanya, terdapat banyak kes melibatkan ahli keluarga membatalkan pendaftaran pendermaan organ apabila hanya mengetahui perkara tersebut setelah kematian individu terbabit.

## INFO PENDERMAAN ORGAN

### Apa itu pendermaan organ atau tisu

Pendermaan organ atau tisu adalah proses mendermakan sebahagian organ dan tisu daripada tubuh kita untuk tujuan pemindahan atau transplan kepada orang lain yang memerlukan akibat kegagalan mahupun kerosakan pada organ dan tisu.

Organ atau tisu yang boleh didermakan di Malaysia:

#### Organ:

- Jantung
- Paru-paru
- Hati
- Buah pinggang
- Tisu
- Injap jantung
- Mata (kornea)
- Tulang
- Kulit

### JENIS PENDERMA

#### 1. Penderma hidup

- Mereka hanya boleh mendermakan satu buah pinggang atau sebahagian hati dan sumsum tulang sahaja.

#### 2. Penderma kadaverik

- Penderma kadaverik adalah penderma yang telah meninggal dunia dan penderma ini amat diutamakan di Malaysia kerana tidak memberikan risiko kepada penderma. Penderma ini terbahagi kepada dua jenis;

#### \*Kematian otak

- Hanya penderma yang kematian otak boleh mendermakan organ dan tisu seperti jantung, hati, paru-paru, buah pinggang, mata, tulang dan kulit.

#### \*Kematian jantung berhenti berdegup

- Kematian normal di mana sesedrang itu disahkan meninggal dunia kerana jantung terhenti berdegup.

### KADAR DAYA HIDUP

Transplan hati

- Setahun: 80-85 peratus
- 5 tahun: 70-75 peratus

Transplan jantung

- Setahun: 83 peratus
- 5 tahun: 63 peratus
- Kembali bekerja: 83 peratus

Transplan buah pinggang

- Setahun: 85-90 peratus
- 5 tahun: Lebih 75 peratus
- 10 tahun: 60 peratus

- Penerima boleh kembali bekerja, bersukan, berumah tangga dan mempunyai anak.

### PANDANGAN AGAMA

- Majlis Fatwa Kebangsaan pada bulan Jun 1970 memfatwakan hukum harus pada urusan pendermaan dan pemindahan organ. Ia diharuskan dengan syarat tiada alternatif lain yang boleh menyelamatkan nyawa pesakit dan bukan untuk perniagaan (tiada unsur jual beli).

### SIAPA LAYAK JADI PENDERMA?

- Sesiapa pun boleh mendaftar menjadi pengikar penderma organ dan tisu kecuali mereka yang menghidap penyakit berjangkit seperti HIV/AIDS, hepatitis B dan C, dan sifilis. Penderma perumur kurang 18 tahun perlu kebenaran bertulis daripada ibu bapa.
- Mereka yang berhasrat mendermakan organ selepas kematian boleh mengisi borang pendaftaran pengikar penderma organ yang boleh didapati di semua hospital kerajaan; jabatan kesihatan daerah, pusat-pusat kesihatan daerah, Pusat Sumber Transplan Hospital Raja Permaisuri Bainun, Ipoh; Pusat Sumber Transplan Hospital Pulau Pinang; Pusat Sumber Transplan Hospital Sultanah Aminah, Johor atau memuat turun borang di laman web Pusat Sumber Transplan Nasional.

